

30 SEP 2003

MAS TAMBAH 25 PENERBANGAN SEMPENA LIMA `03

LANGKAWI, 30 Sept (Bernama) -- Penerbangan Malaysia (MAS) mengadakan 25 penerbangan tambahan sempena berlangsungnya Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA `03) mulai hari ini.

Pengarah Urusan MAS, Datuk Md Nor Yusof berkata tambahan itu dibuat bagi memenuhi permintaan yang meningkat sempena LIMA kali ini.

"Ini adalah sumbangan MAS menjayakan LIMA dan memenuhi permintaan pengunjung," katanya kepada Bernama selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan LIMA `03 di sini hari ini.

Beliau berkata MAS mengadakan penerbangan berjadual sebanyak 38 kali setiap minggu ke pulau peranginan ini.

Sementara itu, beribu-ribu penduduk dan pelancong hadir menyaksikan pertunjukan udara yang menarik dengan persembahan dan aksi yang jarang-jarang dapat disaksikan.

Pemandangan Indah, Bukit Cengkuan sekali lagi menjadi tumpuan pengunjung untuk menyaksikan dengan lebih dekat pertunjukan aerobatik Red Arrow dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Orang ramai berhimpun di kawasan itu kerana ia terletak berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi.

-- BERNAMA

ZI MAD AHH ROS